

24 DEC, 2021

Penggunaan teknologi boleh bantu penurunan kos pengeluaran

Harakah, Malaysia

Page 1 of 2



Datuk Amzad menunjukkan ayam segar yang dijual dengan harga borong.



Datuk Amzad berkata penurunan harga hingga 20 peratus.



Datuk Amzad dan Saharuddin (kanan) melihat harga bawang yang dijual di PJKM.

Penggunaan teknologi boleh bantu penurunan kos pengeluaran

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

KUALA TERENGGANU: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) boleh membantu negara dalam aspek bagi penurunan kos pengeluaran produk pertaniannya melalui penggunaan teknologi baharu.

Timbalan MOSTI, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, isu-isu yang berkait dengan penggunaan baja dan racun yang semakin meningkat telah menjadikan kos pengeluaran produk pertanian itu naik.

"MOSTI banyak membantu dalam aspek penurunan kos pengeluaran produk pertanian melalui penggunaan teknologi. Ini sudah tentulah ianya tidak dapat dilihat dalam tempoh yang segera.

"Saya lihat Kementerian lain seperti MAFI (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengambil segala langkah yang perlu.

"Di pihak MOSTI apa yang dibincangkan jika dari segi pertanian adalah isu yang

berkait dengan baja, racun kerana harga kos bagi kedua-dua bahan ini sangat meningkat (naik).

"Jadi kerana itulah di peringkat MOSTI sekarang ini dan beberapa kajian pernah dilaksanakan itu dibincang kembali, supaya bagaimana penggunaan baja-baja yang menggunakan baja Nano Teknologi. Dia (nano) tidak menggunakan kuantiti (baja) yang banyak, mungkin harga dia mahal tetapi dia tidak perlu digunakan dengan kuantiti yang banyak," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang medianya ketika, Hari Bertemu Rakyat Sempena Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di perkarangan hadapan Muzium Negeri, Bukit Losong, Kuala Terengganu, di sini, pada 18 Disember.

Hadir sama pada program itu, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu, Saharuddin Mohd Kia, Pegawai Khas Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Syed Ali Al-Idrus serta empat orang Pembantu Khas Parlimen (DUN) Batu Buruk, Ladang, Bandar dan Wakaf

Mempelam.

Menurut Datuk Amzad, penggunaan Nano Teknologi juga secara keseluruhannya menjadikan kos lebih murah tetapi perlu mengambil masa yang lebih lama sebelum diterima sepenuhnya.

"Begitu juga termasuk memperkenalkan vareti pertanian menggunakan teknologi baharu misalnya pelancaran beras IS21. Jadi beras IS21 ini boleh meningkatkan pengeluaran untuk setiap hektar tanaman padi.

"Jika sebelum ini, kita (petani) dapat tiga tan setiap ekar tapi (IS21) dapat ditingkatkan tiga kali ganda dan dia lebih tahan penyakit, kurang (guna) baja, kurang air dan sebagainya. Ini dapat membantu menurunkan kos," jelasnya.

Selain itu, kata Ahli Parlimen Kuala Terengganu itu kaedah-kaedah lain termasuk penggunaan teknologi angkasa dalam membantu pengesanan kawasan ikan dan lain-lain.

"Jadi, ini boleh membantu untuk melihat impak (kesan) dari segi (masa) terdekat pengenalan teknologi ini, sudah tentulah memerlukan perancangan yang melibat-



Sayur dijual dengan harga lebih murah.

kan kerjasama semua pihak," ujarnya.

Sempena PJKM ini, kata Datuk Amzad bahawa pengurangan harga barangan sehingga 20 peratus lebih murah berbanding dengan harga biasa di pasar-pasar mahu pun di kedai.

"Penduduk di Parlimen Kuala Terengganu pun tidak terkecuali berdepan dengan masalah harga barang naik dan sebagainya, yang sudah tentulah dengan adanya Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) ini, seperti yang

disasarkan.

"Pengurangan harga hingga 20 peratus turun. Ini jauh lebih murah berbanding pergi ke pasar, kedai. Hari ini, saya lihat ramai rakyat di Kuala Terengganu mengambil peluang untuk membelinya.

"Saya ucap terima kasih kepada pihak Kementerian, semua agensi kerajaan dan rakan strategik seperti FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan), Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, Lembaga Kemajuan Ikan

Malaysia (LKIM), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Terengganu Agrotech Development Corporation (TADC), Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Setiu, Persatuan Nelayan Negeri Terengganu (PENENTU) dan Jabatan Penerangan Negeri Terengganu," ujarnya.

Katanya, pada 4 Disember lalu PJKM telah dilaksanakan di Parlimen Hulu Terengganu dan pada 18 Disember diadakan serentak di tujuh kawasan Parlimen



24 DEC, 2021

Penggunaan teknologi boleh bantu penurunan kos pengeluaran

Harakah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Datuk Amzad menunjukkan ayam segar yang dijual dengan Datuk Amzad berkata penurunan harga hingga 20 peratus. harga borong. Datuk Amzad dan Saharuddin (kanan) melihat harga bawang yang dijual di PJKM.

KUALA TERENGGANU: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) boleh membantu negara dalam aspek bagi penurunan kos pengeluaran produk pertaniannya melalui penggunaan teknologi baharu.